


LI 5 FPE 1 2002



1100032988

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan / Azmira Abdullah.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100032988

1100032988

Lihat sebelah

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN
NEGERI KELANTAN**

Oleh
AZMIRA BINTI ABDULLAH
Sarjana Muda Sains
(Polisi Awam Dan Sekitaran)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
Jabatan Pengajian Am
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2002

1100032988

PENGHARGAAN

Dengan nama ALLAH yang MAHA Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, bersyukur saya kepada yang Maha Esa kerana dengan limpah kurniaNya, maka dapat saya menyiapkan laporan akhir latihan praktikum.

Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang berjaya menempatkan para pelajar di kesemua pusat latihan industri dan memberi peluang kepada diri saya untuk mengikuti program latihan industri dengan jayanya.

Ucapan terima kasih didahului kepada pihak Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) yang bermurah hati menerima saya untuk menjalani latihan industri selama 12 minggu di Jabatan tersebut dan di tempatkan di unit Pengurusan Organisasi.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan berbanyak terima kasih kepada Puan Che Hasniza binti Che Noh selaku pensyarah Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) dan merangkap penyelia yang banyak membantu saya sepanjang menjalani praktikum. Tanpa nasihat dan panduan dari puan, mungkin saya menghadapi masalah.

ucapan terima kasih kepada Penyelia industri iaitu Tuan Haji Habib Zam Zam bin Haji Abdul Lattif yang banyak menolong dan memberi bimbingan sepanjang penglibatan saya di Jabatan tersebut. Tidak lupa juga kepada semua pegawai di JPPK, yang teristimewa sekali buat warga kerja di unit Pengurusan Organisasi, dan pekerja-pekerja JPPK di atas bantuan dan tunjuk ajar selama saya berada di sini.

Tidak lupa juga yang paling istimewa buat ayahanda dan bonda tercinta iaitu Abdullah Bin Yusoff dan Esah Bt Yusoff serta seluruh ahli keluarga yang banyak memberi dorongan dan sokongan yang begitu padu untuk diri saya dan semoga berjaya dalam apa jua yang diceburi.

Buat rakan-rakan seperjuangan terima kasih atas segala- galanya dan semoga kita semua beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat kelak.

Akhir sekali, setinggi-tinggi ucapan terima kasih . .

ucapan terima kasih kepada Penyelia industri iaitu Tuan Haji Habib Zam Zam bin Haji Abdul Lattif yang banyak menolong dan memberi bimbingan sepanjang penglibatan saya di Jabatan tersebut. Tidak lupa juga kepada semua pegawai di JPPK, yang teristimewa sekali buat warga kerja di unit Pengurusan Organisasi, dan pekerja-pekerja JPPK di atas bantuan dan tunjuk ajar selama saya berada di sini.

Tidak lupa juga yang paling istimewa buat ayahanda dan bonda tercinta iaitu Abdullah Bin Yusoff dan Esah Bt Yusoff serta seluruh ahli keluarga yang banyak memberi dorongan dan sokongan yang begitu padu untuk diri saya dan semoga berjaya dalam apa jua yang diceburi.

Buat rakan-rakan seperjuangan terima kasih atas segala- galanya dan semoga kita semua beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat kelak.

Akhir sekali, setinggi-tinggi ucapan terima kasih . .

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI SINGKATAN	v
SENARAI RAJAH	vi
RINGKASAN EKSEKUTIF	vii
BAB 1 LATAR BELAKANG ORGANISASI	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Lokasi pejabat	2
1.1.2 Latarbelakang organisasi	4
1.1.3 Penubuhan JPPK	5
1.1.4 Matlamat JPPK	5
1.1.5 Fungsi JPPK	5
1.1.6 Misi jabatan JPPK	7
1.1.7 Objektif JPPK	7
1.1.8 Etika kerja	8
1.1.9 Piagam pelanggan JPPK Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri	9
1.1.10 Kekuatan terdapat di JPPK	10
1.2 Carta Organisasi	12
1.2.1 Struktur organisasi	13
1.2.2 Bilangan kakitangan	14
1.3 Aktiviti organisasi dan bidang tugas setiap unit	
1.3.1 Unit Pengurusan Organisasi	16
1.3.2 Unit Penyelarasan	19

1.3.3 Unit Khas / PPJ	23
1.3.4 Unit Kewangan	24
1.3.5 Unit Pembangunan Masyarakat	25
1.3.6 Unit Jabatan Kerja Raya	26
 1.4 Kemahiran yang pelatih perolehi semasa latihan industri	 31
1.4.1 Objektif latihan praktikum	32
1.4.2 Kepentingan latihan praktikum	33
1.4.3 Tempoh masa latihan industri	33
1.4.4 Bidang Tugas pelajar latihan industri	34
1.4.5 Kekuatan (strengths)	35

BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1 Mengesan sistem sedia ada	40
2.1.2 Mengenalpasti masalah di bahagian Pengurusan Organisasi	43
2.1.3 Megenalpasti masalah di bahagian Kewangan	45
 2.2 Analisis masalah dan perbincangan keseluruhan penemuan	 49
2.2.1 Cadangan penyelesaian	50
2.2.2 Pelaksanaan cadangan dan implikasi	52
 PENUTUP	 55
 RUJUKAN	 56

SENARAI SINGKATAN

1. JPPK - Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan
2. ICU - Unit Penyelarasan Pelaksanaan
3. JKR - Jabatan Kerja Raya
4. UPO - Unit Pengurusan Organisasi
5. KPPM - Ketua Penyelia Pembangunan Mukim
6. PPM - Penyelia Pembangunan Mukim

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

SENARAI RAJAH

Rajah	Perkara	Muka Surat
1	Carta Organisasi	12

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) merupakan salah satu Jabatan Persekutuan yang wujud untuk mengambil alih tugas-tugas dan peranan Pejabat Kemajuan Negeri Kelantan sebagai agensi utama yang menyelaraskan dan memantau pelaksanaan Projek-projek Pembangunan Persekutuan di negeri Kelantan. Selain dari itu, pengujudan JPPK adalah bertujuan untuk memastikan kawalan yang rapi ke atas Projek-projek Persekutuan mulai daripada perancangan hingga ke pengesahan projek yang diuruskan dengan sempurna.

Jabatan ini juga bertanggungjawab kepada unit Penyelarasian Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Dengan penubuhan JPPK ini juga, kerajaan telah memutuskan semua Jabatan dan Agensi Kerajaan yang beroperasi di negeri Kelantan di letakan secara langsung oleh Jabatan tersebut.

Setelah menjalani latihan industri selama 3 bulan ini pelbagai aspek dipelajari dan diberi pendedahan semasa menjalankan tugas yang diamanahkan untuk mendapatkan pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan realiti alam pekerjaan yang sebenarnya.

Selain dari itu, pelatih dapat mengaplikasikan teori-teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan untuk meningkatkan lagi kebolehan

individu untuk mendapat peluang dalam pekerjaan apabila sudah bergraduat kelak.

Dengan memberi peluang untuk mengikuti latihan industri ini para pelatih dapat menonjolkan ketrampilan dan potensi diri sebelum melibatkan diri di alam pekerjaan yang sebenarnya dan selain itu dapat memahami dan mempelajari cara berkomunikasi di depan orang ramai agar tidak kekok untuk berurusan dengan sesiapa sahaja. Tujuan berbuat demikian adalah untuk membentuk jati diri yang sebenar tanpa bergantung dengan orang lain.

Adalah di harapkan dengan adanya sebuah organisasi yang cekap dan mantap akan memudahkan perjalanan kerja yang di uruskan tanpa mempunyai sekatan dari mana-mana pihak. Untuk menjadikan agensi Utama dalam memastikan perlaksanaan Dasar Wawasan Negara (DWN) mencapai matlamat supaya rakyat negeri Kelantan tidak terpinggir dari arus perdana Pembangunan Negara selaras dengan dasar hasrat dan wawasan Kerajaan Persekutuan yang berteraskan budaya kerja cemerlang.